

Pengalaman Pendidikan Prasekolah dan Kesiediaan ke Sekolah Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Tahun 1 Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) (Preschool Education Experience and Readiness for School for Students with Special Educational Needs (SEN) Year 1 Integrated Special Education Program (PPKI))

Nur Syamimi Saiyidah Azlan^{1*}, Khairul Farhah Khairuddin¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang Koresponden: p145035@siswa.ukm.edu.my

Received: 3 January 2026 | Accepted: 1 April 2026 | Published: 15 April 2026

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2026.8.3.30>

Abstrak: *Kajian ini bertujuan meneroka kesiediaan ke sekolah murid Pendidikan Khas Tahun 1 Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) berdasarkan pengalaman mengikuti pendidikan prasekolah. Secara khusus, kajian ini mengenal pasti tahap kesiediaan murid yang mempunyai pengalaman prasekolah dan murid yang tidak mengikutinya serta menganalisis perbezaan antara dua kumpulan tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bagi memperoleh pemahaman yang komprehensif terhadap kesiediaan ke sekolah murid. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur bersama enam orang guru PPKI Tahun 1, pemerhatian bilik darjah dan analisis dokumen, serta dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid yang mengikuti pendidikan prasekolah memperlihatkan tahap kesiediaan yang lebih baik dari segi penyesuaian terhadap rutin sekolah, pengurusan tingkah laku, kefahaman arahan serta penglibatan dalam aktiviti pembelajaran. Sebaliknya, murid yang tidak mempunyai pengalaman prasekolah menunjukkan jurang kesiediaan yang lebih ketara dan memerlukan sokongan pengajaran yang lebih berstruktur serta tempoh transisi yang lebih panjang. Kajian ini menyumbang kepada pengukuhan kerangka kesiediaan ke sekolah dalam konteks pendidikan khas dengan menegaskan kepentingan pengalaman pendidikan awal sebagai faktor yang mempengaruhi keberkesanan peralihan murid ke pendidikan formal. Dapatan kajian turut menyediakan implikasi praktikal terhadap perancangan program transisi, penambahbaikan amalan pedagogi serta pengukuhan dasar berkaitan akses pendidikan prasekolah bagi murid berkeperluan khas.*

Kata Kunci: kesiediaan ke sekolah, pendidikan prasekolah, pendidikan khas, PPKI, Tahun 1

Abstract: *This study aims to explore school readiness among Year One Special Education students in the Special Education Integration Programme (PPKI) based on their prior preschool experience. Specifically, the study identifies the level of readiness among students with and without preschool experience and analyses the differences between these two groups in the context of transition to primary school. A qualitative approach employing a case study design was utilised to obtain an in-depth understanding of the phenomenon under investigation. Data were collected through semi-structured interviews with six Year One PPKI teachers, classroom observations, and document analysis, and were analysed using thematic*

analysis. The findings indicate that students who attended preschool demonstrated higher levels of school readiness in terms of adaptation to school routines, behaviour regulation, comprehension of instructions, and engagement in learning activities. In contrast, students without preschool experience exhibited more pronounced readiness gaps and required more structured instructional support as well as a longer transition period. This study contributes to strengthening the school readiness framework within the context of special education by emphasising early educational experience as a critical factor influencing successful transition to formal schooling. The findings also provide practical implications for the planning of transition programmes, enhancement of pedagogical practices, and policy initiatives aimed at improving access to preschool education for students with special needs.

Keywords: school readiness, preschool education, special education, PPKI, Year One

1. Pendahuluan

Kesediaan ke sekolah merupakan asas penting dalam memastikan peralihan murid ke alam persekolahan formal berlaku secara positif dan berkesan. Konsep kesediaan ke sekolah tidak hanya tertumpu kepada penguasaan kemahiran akademik asas, malah merangkumi keupayaan kognitif serta sosial dan emosi yang membolehkan murid menyesuaikan diri dengan rutin pembelajaran, persekitaran bilik darjah dan interaksi sosial di sekolah rendah (Fang et al., 2023; Hosokawa, 2024). Bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK), tahap kesediaan ke sekolah yang mencukupi adalah lebih signifikan memandangkan MBPK lazimnya memerlukan sokongan awal yang lebih tersusun dan berterusan bagi menghadapi tuntutan pembelajaran formal. Kekurangan persediaan awal didapati boleh menjejaskan penglibatan murid dalam bilik darjah serta keupayaan mereka untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah pada peringkat awal persekolahan (Hosokawa, 2024).

Pendidikan prasekolah dikenal pasti sebagai fasa penting dalam membentuk kesediaan ke sekolah melalui pengalaman pembelajaran awal yang dirancang, pendedahan kepada rutin bilik darjah serta peluang interaksi sosial yang menyokong perkembangan menyeluruh murid (Collet et al., 2024). Dalam konteks pendidikan khas di Malaysia, prasekolah berperanan menyediakan MBPK dengan pengalaman pembelajaran awal yang bersesuaian mengikut keperluan dan kebolehan individu sebelum memasuki Tahun 1 Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Selaras dengan aspirasi pendidikan negara, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menekankan kepentingan pendidikan prasekolah berkualiti sebagai asas kepada perkembangan awal kanak-kanak, termasuk murid pendidikan khas, bagi menyokong peralihan yang lebih lancar ke peringkat sekolah rendah (KPM, 2021; KPM, 2023).

Meskipun pendidikan prasekolah diiktiraf sebagai asas penting kepada perkembangan kanak-kanak, akses kepada pendidikan awal berkualiti dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masih rendah di Malaysia. Data Kementerian Pendidikan Malaysia (2022) menunjukkan hanya 1,094 MBPK berdaftar dalam prasekolah khas kerajaan berbanding lebih 43,000 MBPK yang telah berada di sekolah rendah, sekali gus mencerminkan bahawa sebahagian besar MBPK memasuki Tahun 1 dalam Program Pendidikan Khas Integrasi tanpa pengalaman prasekolah formal. Keadaan ini mewujudkan jurang kesediaan antara murid yang pernah dan tidak pernah mengikuti prasekolah, yang ditunjukkan melalui kelewatan perkembangan kognitif, kesukaran penyesuaian emosi dan tingkah laku serta kebergantungan tinggi kepada guru (Radzi, Zainal & Mahadi, 2025). Kajian terdahulu mendapati murid MBPK yang mengikuti prasekolah mempunyai kemahiran asas seperti kefahaman arahan, pengurusan

kendiri dan interaksi sosial yang lebih baik (Low, Tan & Ahmad, 2024), manakala murid tanpa pendedahan awal lebih cenderung menunjukkan tingkah laku mencabar yang meningkatkan beban intervensi guru (Means, 2023). Walaupun isu ini diakui dalam amalan pendidikan, kajian tempatan yang meneliti secara komprehensif perbezaan tahap kesediaan ke sekolah antara kedua-dua kumpulan MBPK masih terhad, khususnya dari perspektif pelbagai domain kesiapsiagaan seperti kognitif, sosial-emosi dan sendiri. Kekurangan bukti empirikal dan kualitatif yang kukuh menyukarkan perancangan program transisi serta penambahbaikan instrumen saringan kesediaan yang lebih holistik (World Bank, 2024; Kagan, 2022). Sekiranya jurang ini tidak ditangani, MBPK berisiko mengalami kesukaran berpanjangan dalam pembelajaran dan penyesuaian sosial, manakala guru berdepan peningkatan beban intervensi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menilai secara empirikal perbezaan tahap kesediaan MBPK berdasarkan pengalaman pendidikan prasekolah sebagai asas kepada penambahbaikan dasar, latihan guru dan pembangunan modul transisi yang lebih berkesan.

2. Tinjauan Literatur

Kajian menunjukkan bahawa pendidikan prasekolah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesediaan ke sekolah kanak-kanak. Kanak-kanak yang mengikuti pendidikan prasekolah formal cenderung mempunyai kemahiran pra-akademik, tumpuan, dan kemampuan mengikuti rutin pembelajaran yang lebih baik (Pianta et al., 2022; Magnuson & Schindler, 2023). Dapatan kajian terdahulu menekankan bahawa pengalaman awal bukan sahaja membantu perkembangan akademik, tetapi juga membina asas sosial dan emosi yang penting untuk menyesuaikan diri di sekolah rendah.

Bagi MBPK, pengalaman prasekolah memberi kesan positif yang serupa. Murid yang pernah mengikuti prasekolah menunjukkan penyesuaian sosial dan emosi yang lebih baik serta kebolehan sendiri yang lebih stabil apabila memasuki Tahun 1 (Bakken et al., 2021; Odom et al., 2021). Pendedahan awal kepada persekitaran bilik darjah yang berstruktur membantu mereka membiasakan diri dengan jangkaan tingkah laku dan rutin pembelajaran (Al-Attiyah & Salim, 2024). Walau bagaimanapun, kesan pendidikan prasekolah tidak sama untuk semua MBPK kerana tahap kesediaan ke sekolah masih berbeza mengikut jenis dan tempoh pengalaman yang diikuti, menunjukkan bahawa intervensi awal perlu disesuaikan dengan keperluan individu.

Di Malaysia, perhatian kajian lebih tertumpu kepada murid tipikal, manakala pengalaman MBPK dalam PPKI masih kurang diterokai. Guru pendidikan khas sering berhadapan dengan perbezaan tahap kesediaan murid Tahun 1, terutamanya dalam kemahiran akademik asas dan pengurusan tingkah laku (Ahmad & Hashim, 2022). Situasi ini menunjukkan bahawa walaupun pendidikan prasekolah bermanfaat, ia tidak menjamin kesediaan seragam, dan sokongan tambahan di peringkat bilik darjah tetap diperlukan.

Berdasarkan konteks ini, kajian ini dijalankan untuk meneroka kesediaan ke sekolah dalam kalangan MBPK Tahun 1 PPKI berdasarkan pengalaman mengikuti atau tidak mengikuti pendidikan prasekolah. Kajian ini menumpukan kepada tiga persoalan utama:

- i. Bagaimanakah kesediaan ke sekolah murid Tahun 1 PPKI yang pernah mengikuti pendidikan prasekolah ditunjukkan dalam konteks pembelajaran di bilik darjah?
- ii. Bagaimanakah kesediaan ke sekolah murid Tahun 1 PPKI yang tidak pernah mengikuti pendidikan prasekolah ditunjukkan dalam konteks pembelajaran di bilik darjah?

- iii. Apakah perbezaan corak kesediaan ke sekolah antara murid Tahun 1 PPKI yang pernah mengikuti pendidikan prasekolah dan murid yang tidak pernah mengikuti pendidikan prasekolah berdasarkan pengalaman dan pemerhatian guru?

Dapatan kajian diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan amalan pendidikan khas dan memberi sokongan kepada usaha memperluas akses pendidikan prasekolah bagi MBPK, supaya mereka menerima persediaan awal yang lebih sistematik dan bersesuaian dengan keperluan masing-masing.

3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian meliputi sampel kajian, instrumen kajian, kesahan serta kebolehpercayaan instrumen kajian dan analisis data.

Sampel Kajian

Sampel kajian ini dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang melibatkan enam orang guru PPKI yang mengajar kelas Tahun 1 PPKI. Pemilihan responden dibuat berdasarkan kriteria guru yang mempunyai pengalaman mengajar murid Tahun 1 PPKI serta terlibat secara langsung dalam proses transisi dan penyesuaian MBPK ke alam persekolahan formal. Pemilihan sampel ini adalah bersesuaian dengan tujuan kajian yang meneliti pengalaman guru terhadap kesediaan ke sekolah murid berdasarkan latar belakang pendidikan prasekolah yang berbeza.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini ialah protokol temu bual separa berstruktur, borang pemerhatian bilik darjah dan analisis dokumen. Protokol temu bual separa berstruktur mengandungi senarai soalan terbuka yang membolehkan guru memberikan penjelasan mendalam mengenai perbezaan tahap kesediaan murid dari aspek akademik asas, kognitif, serta sosial dan emosi manakala borang pemerhatian bilik darjah berfungsi sebagai alat untuk memantau elemen-elemen kritikal kesediaan ke sekolah seperti kebolehan memberi tumpuan, interaksi dengan rakan sebaya, dan keupayaan mengurus diri seperti ke tandas atau memakai pakaian secara berdikari. Analisis dokumen pula bertujuan untuk mengesahkan kategori ketidakupayaan pembelajaran murid serta status penyertaan mereka dalam pendidikan prasekolah, sama ada di prasekolah khas, inklusif, atau pusat intervensi swasta bagi tempoh sekurang-kurangnya enam bulan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Gabungan ketiga-tiga instrumen kajian iaitu protokol temu bual, borang pemerhatian, dan analisis dokumen dapat memastikan berlakunya proses triangulasi data yang kukuh bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian mengenai tahap kesediaan ke sekolah MBPK Tahun 1 PPKI. Pendekatan ini dapat memastikan pengesahan silang dapatan diperoleh melalui perbandingan maklumat daripada pelbagai sumber dan kaedah pengumpulan data.

Analisis Data

Analisis data dalam kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan analisis tematik bagi mengenal pasti pola dan tema utama daripada data temu bual guru PPKI. Proses analisis dijalankan secara sistematik melalui enam fasa, bermula dengan pembacaan berulang transkrip untuk membiasakan diri dengan data, diikuti dengan penjanaan kod awal secara induktif

berdasarkan maklumat yang muncul daripada data. Kod-kod yang mempunyai persamaan digabungkan bagi membentuk tema sementara yang kemudian disemak semula bagi memastikan padanan dengan data asal serta mengelakkan pertindihan. Setiap tema ditakrifkan dan dinamakan dengan jelas sebelum dihuraikan dalam bentuk naratif dengan sokongan petikan verbatim sebagai bukti empirikal. Tiga tema utama telah dikenal pasti iaitu kesediaan akademik asas, kesediaan kognitif, serta aspek sosial dan emosi. Pendekatan ini membolehkan dapatan kajian dirumuskan secara sistematik dan mencerminkan pengalaman sebenar guru-guru Tahun 1 PPKI.

4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian memfokuskan kepada profil responden, kesediaan ke sekolah murid Tahun 1 PPKI yang pernah mengikuti pendidikan prasekolah, kesediaan ke sekolah murid Tahun 1 PPKI yang tidak pernah mengikuti pendidikan prasekolah dan perbezaan kesediaan ke sekolah antara murid Tahun 1 PPKI yang mengikuti dan tidak mengikuti pendidikan prasekolah.

Profil Responden

Kajian ini dilaksanakan kepada 6 orang guru PPKI Tahun 1 dengan melibatkan maklumat demografi seperti jantina, taraf pendidikan, umur serta pengalaman mengajar dalam bidang pendidikan khas dan pengalaman mengajar murid Tahun 1 PPKI. Profil responden secara terperinci adalah seperti dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1: Profil Demografi Responden Kajian

Maklumat demografi	Kategori	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	2	33.3%
	Perempuan	4	67.7%
Taraf pendidikan	Ijazah Sarjana	3	50.0%
	Ijazah Sarjana Muda	3	50.0%
Umur	30-40 tahun	2	33.3%
	40-50 tahun	2	33.3%
	50-60 tahun	2	33.3%
Pengalaman mengajar dalam Pendidikan Khas	1-5 tahun	1	16.7%
	6-10 tahun	2	33.3%
	11-15 tahun	3	50.0%
	15 tahun ke atas	1	16.7%
Pengalaman mengajar murid Tahun 1 PPKI	2 tahun	3	50.0%
	3 tahun dan ke atas	3	50.0%

Kesediaan Ke Sekolah Murid Tahun 1 PPKI Yang Pernah Mengikuti Pendidikan Prasekolah

Berdasarkan analisis data temu bual, pemerhatian bilik darjah dan analisis dokumen, kajian ini mendapati bahawa murid Tahun 1 PPKI yang pernah mengikuti pendidikan prasekolah menunjukkan tahap kesediaan ke sekolah yang lebih baik pada peringkat awal persekolahan. Murid-murid ini mempunyai penguasaan awal yang lebih baik dalam kemahiran mengenal huruf dan nombor seperti yang diterangkan oleh Responden 1:

“murid yang pernah mengikuti prasekolah biasanya sudah mengenal huruf dan nombor asas, menyebabkan mereka lebih cepat menyesuaikan diri dengan aktiviti pembelajaran di Tahun 1” (Responden 1)

Murid yang mempunyai pengalaman prasekolah juga didapati lebih stabil secara emosi, mudah dibimbing dan mampu berinteraksi secara positif dengan guru serta rakan sebaya seperti yang dinyatakan oleh Responden 3.

“murid yang datang dari Prasekolah PPKI lebih tenang dan mudah bekerjasama semasa aktiviti kumpulan” (Responden 3)

Kesediaan Ke Sekolah Murid Tahun 1 PPKI Yang Tidak Pernah Mengikuti Pendidikan Prasekolah

Berdasarkan analisis data temu bual, pemerhatian bilik darjah dan analisis dokumen, kajian ini mendapati bahawa murid Tahun 1 PPKI yang tidak pernah mengikuti pendidikan prasekolah menunjukkan tahap kesediaan ke sekolah yang lebih rendah pada peringkat awal persekolahan. Responden 2 menyatakan murid-murid ini didapati kurang menguasai kemahiran awal seperti mengenal huruf, nombor dan kemahiran menulis, serta memerlukan bimbingan yang lebih berterusan daripada guru semasa aktiviti pembelajaran.

“murid yang tidak pernah mengikuti prasekolah biasanya memerlukan lebih banyak masa dan latihan untuk menguasai kemahiran asas seperti mengenal huruf dan nombor” (Responden 2)

Murid dalam kumpulan ini juga menunjukkan kesukaran mengekalkan tumpuan, memahami arahan dan mengikuti rutin pembelajaran. Mereka turut menghadapi kesukaran mengawal emosi dan menyesuaikan diri dengan peraturan bilik darjah seperti yang dijelaskan oleh Responden 4:

“murid yang tidak pernah masuk prasekolah memerlukan masa yang lebih panjang untuk menyesuaikan diri dengan peraturan dan rutin kelas, dan ada yang mudah berasa tertekan apabila diberi tugas akademik” (Responden 4)

Perbezaan Kesediaan Ke Sekolah Antara Murid Tahun 1 PPKI Yang Mengikuti Dan Tidak Mengikuti Pendidikan Prasekolah

Kajian ini mendapati terdapat perbezaan yang ketara dalam tahap kesediaan ke sekolah antara murid Tahun 1 Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang mengikuti pendidikan prasekolah dan murid yang tidak mengikuti pendidikan prasekolah. Dari segi kesediaan akademik asas, murid yang mempunyai pengalaman prasekolah menunjukkan penguasaan awal yang lebih baik dalam kemahiran mengenal huruf, nombor serta keupayaan menulis dan menyalin. Selain itu, mereka juga menunjukkan tahap keyakinan yang lebih tinggi untuk melaksanakan tugas akademik secara berdikari, manakala murid tanpa pengalaman prasekolah memerlukan tempoh masa yang lebih panjang serta bimbingan guru yang lebih berterusan seperti yang dinyatakan oleh Responden 3:

“perbezaan antara murid yang pernah masuk prasekolah PPKI dan yang tidak memang sangat ketara, terutamanya dari segi kemahiran asas dan keberanian untuk mencuba tugas sendiri” (Responden 3)

Dari aspek kesediaan kognitif, murid yang pernah mengikuti pendidikan prasekolah didapati lebih mampu mengekalkan tumpuan, memahami arahan dan mengikuti rutin pembelajaran dengan lebih konsisten. Namun begitu, murid yang tidak mengikuti prasekolah sering

memerlukan arahan berulang dan sokongan individu yang lebih kerap, seperti yang dijelaskan oleh Responden 1:

“murid prasekolah PPKI biasanya sudah biasa dengan rutin kelas, manakala murid yang tidak pernah ke prasekolah memerlukan masa lebih lama untuk faham arahan dan ikut aktiviti” (Responden 1).

Bukan itu sahaja, perbezaan dari aspek kesediaan sosial dan emosi turut dikenal pasti. Murid yang mengikuti pendidikan prasekolah menunjukkan kestabilan emosi yang lebih baik, mudah dibimbing dan mampu berinteraksi secara positif dengan guru serta rakan sebaya. Sebaliknya, murid tanpa pengalaman prasekolah cenderung mempamerkan cabaran tingkah laku dan memerlukan masa penyesuaian yang lebih panjang terhadap persekitaran pembelajaran formal seperti yang dinyatakan oleh Responden 3:

“murid tanpa pengalaman prasekolah lebih sukar mengawal emosi dan perlukan masa yang lebih panjang untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah” (Responden 4).

5. Perbincangan

Perbincangan kajian menumpukan kepada kesediaan ke sekolah MBPK dengan pengalaman pendidikan prasekolah, kesediaan ke sekolah MBPK tanpa pengalaman pendidikan prasekolah, perbezaan kesediaan ke sekolah MBPK dalam pengalaman pendidikan prasekolah dan implikasi kajian.

Kesediaan Ke Sekolah MBPK Dengan Pengalaman Pendidikan Prasekolah

Dapatan kajian menunjukkan murid yang mempunyai pengalaman mengikuti pendidikan prasekolah menunjukkan tahap kesediaan ke sekolah yang lebih baik. Kesediaan ini dapat dilihat melalui keupayaan murid menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran formal. Selain itu, murid juga mudah mengikuti rutin pembelajaran, serta menunjukkan respons yang lebih positif terhadap tugas akademik yang diberikan. Dapatan ini selari dengan kajian Janus et al. (2020) yang menegaskan bahawa pengalaman pendidikan awal memainkan peranan penting dalam membentuk asas kesediaan murid untuk menghadapi tuntutan pembelajaran formal di sekolah rendah. Dalam konteks murid berkeperluan khas, pengalaman awal ini menjadi faktor pelindung yang membantu murid mengurangkan tekanan peralihan ke Tahun 1. Kajian oleh Malintang et al. (2025) turut menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa kesediaan sekolah dan kesediaan murid berkeperluan khas amat dipengaruhi oleh intervensi awal yang bersesuaian, khususnya melalui program prasekolah yang dirancang secara inklusif dan berfokus kepada keperluan murid. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu murid Tahun 1 PPKKI yang pernah mengikuti pendidikan prasekolah mempunyai tahap kesediaan ke sekolah yang baik.

Kesediaan Ke Sekolah MBPK Tanpa Pengalaman Pendidikan Prasekolah

Murid dalam kumpulan ini menunjukkan tahap kesediaan pembelajaran yang lebih rendah pada peringkat awal persekolahan. Kesediaan ini dapat dilihat terutamanya dari segi penyesuaian terhadap rutin pembelajaran formal dan pemahaman terhadap arahan guru. Kekurangan pengalaman pembelajaran awal yang berstruktur menyebabkan murid memerlukan tempoh penyesuaian yang lebih panjang apabila memasuki persekitaran sekolah rendah. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Abdul Rahman et al. (2024) yang mendapati bahawa murid

berkeperluan khas yang tidak mengikuti pendidikan prasekolah cenderung menghadapi kesukaran awal dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran formal. Kajian tersebut menegaskan bahawa pendidikan prasekolah pendidikan khas berperanan penting dalam menyediakan asas kemahiran awal serta membentuk kesediaan murid sebelum memasuki Tahun 1. Tanpa pendedahan awal ini, murid lebih bergantung kepada bimbingan intensif guru dan menunjukkan kesukaran untuk berdikari dalam pembelajaran. Kajian oleh Sari et al. (2022) juga menunjukkan bahawa tahap kesediaan murid yang rendah boleh menjejaskan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini mengukuhkan keperluan kepada sokongan awal dan intervensi yang lebih sistematik bagi membantu murid PPKI menyesuaikan diri dengan pembelajaran formal di sekolah rendah.

Perbezaan Kesediaan Ke Sekolah MBPK Dalam Pengalaman Pendidikan Prasekolah

Berdasarkan dapatan kajian, murid yang pernah mengikuti pendidikan prasekolah didapati menunjukkan tahap kesediaan ke sekolah yang lebih baik berbanding murid yang tidak mempunyai pengalaman pendidikan prasekolah. Perbezaan ini jelas dilihat melalui keupayaan murid menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran formal, memahami rutin sekolah serta menunjukkan respons yang lebih positif terhadap arahan dan aktiviti pembelajaran di bilik darjah. Murid yang mengikuti pendidikan prasekolah telah terdedah kepada suasana pembelajaran yang lebih berstruktur dan hampir menyerupai persekitaran sekolah rendah. Pendedahan awal ini membantu murid membina kefahaman terhadap peraturan, rutin harian serta jangkaan pembelajaran sebelum memasuki Tahun 1. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Siti Qatrunnada & Khairul Farhah (2024) yang menegaskan bahawa amalan pendidikan prasekolah pendidikan khas memainkan peranan penting dalam menyediakan murid berkeperluan khas dari segi kesediaan sekolah, terutamanya dalam aspek penyesuaian awal dan tingkah laku pembelajaran.

Sebaliknya, murid yang tidak mengikuti pendidikan prasekolah didapati memerlukan tempoh penyesuaian yang lebih lama serta sokongan pengajaran yang lebih intensif daripada guru. Kekurangan pengalaman pembelajaran awal menyebabkan murid kurang bersedia untuk memahami struktur pembelajaran formal dan jangkaan akademik di sekolah rendah. Dalam konteks pendidikan inklusif, keadaan ini turut memberi cabaran kepada guru arus perdana yang perlu menyesuaikan pendekatan pengajaran mengikut tahap kesediaan murid. Kajian oleh Karuppannan et. al (2025) menunjukkan bahawa tahap penerimaan dan kesediaan guru arus perdana terhadap murid pendidikan khas mempengaruhi keberkesanan penglibatan murid dalam pembelajaran, khususnya bagi murid yang kurang bersedia pada peringkat awal persekolahan. Dapatan ini mengukuhkan kepentingan pendidikan prasekolah sebagai asas persediaan awal yang signifikan dalam menyokong peralihan murid pendidikan khas ke persekitaran pembelajaran formal dan inklusif di sekolah rendah.

Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan implikasi penting terhadap amalan pengajaran guru pendidikan khas, pengurusan sekolah serta perancangan dasar pendidikan berkaitan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) dalam konteks Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Dari perspektif guru, kajian ini menekankan keperluan mengambil kira latar belakang pendidikan prasekolah murid dalam merancang pengajaran dan pembelajaran melalui pelaksanaan penilaian awal yang sistematik serta penggunaan strategi pengajaran yang berperingkat, fleksibel dan bersifat individual, khususnya bagi murid yang tidak mengikuti pendidikan prasekolah. Di peringkat sekolah, dapatan kajian ini menyokong pelaksanaan program transisi yang lebih tersusun bagi membantu penyesuaian murid PPKI terhadap rutin sekolah,

pengukuhan kemahiran asas serta sokongan sosial dan emosi. Selain itu, dari sudut pembuat dasar, kajian ini menegaskan kepentingan memperkukuh akses dan penyediaan prasekolah PPKI bagi meningkatkan kesediaan ke sekolah murid berkeperluan khas, sekali gus mengurangkan jurang kesediaan pembelajaran dan keperluan intervensi yang lebih intensif di peringkat sekolah rendah.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman mengikuti Prasekolah PPKI memainkan peranan penting dalam menyokong kesediaan pembelajaran akademik murid Tahun 1 Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Murid yang mengikuti Prasekolah PPKI didapati lebih bersedia dari segi akademik asas, kognitif serta sosial dan emosi berbanding murid yang tidak mengikuti Prasekolah PPKI. Perbezaan ini menegaskan kepentingan pendidikan prasekolah sebagai satu bentuk intervensi awal yang signifikan dalam membantu murid PPKI menyesuaikan diri dengan pembelajaran formal di sekolah rendah. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan amalan pengajaran guru pendidikan khas, perancangan program sokongan di peringkat sekolah serta pembangunan dasar pendidikan yang lebih inklusif dan berkesan. Secara tidak langsung, kajian ini turut memberikan sumbangan kepada bidang pendidikan khas dengan menekankan kepentingan pendidikan awal dalam menyokong kesediaan pembelajaran murid berkeperluan khas pada peringkat awal persekolahan.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini. Penulis ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menyokong penerbitan artikel ini.

Pernyataan Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan mengenai penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Ali, N., & Wahab, J. A. (2022). Early childhood inclusion and school transition for children with special needs. *Journal of Special Education Studies*, 11(1), 19–32.
- Bari, S. F., Abdullah, N. A., Abdullah, N., & Yasin, M. H. (2016). Early intervention implementation preschool special education students in Malaysia. *International Journal for Innovation Education and Research*, 4(6), 139–150.
- Britto, P. R., Yoshikawa, H., & Boller, K. (2022). Quality of early childhood development programs and policies in global contexts: Rationale for investment, conceptual framework and implications for equity. *Social Policy Report*, 36(1), 1–23.
- Bronfenbrenner, U., & Morris, P. A. (2006). The bioecological model of human development. In R. M. Lerner (Ed.), *Handbook of Child Psychology (6th ed., Vol. 1, pp. 793–828)*. New York: Wiley.
- Djatmika, W., Wibowo, A. H., Sugini, H., Halim, H., & Mohamad, B. (2020). Multimodal strategies in teaching children with autism: A discourse analysis. *Systematic Reviews in Pharmacy*, 11(2), 219–229.

- Gubbels, J., Segers, E., & Verhoeven, L. (2020). Early education and special needs: A longitudinal study of school readiness and achievement. *European Journal of Special Needs Education, 35*(1), 56–72.
- Hashim, N., & Ibrahim, S. H. (2020). School readiness among Malaysian children with disabilities: A validation study. *Journal of Special Education Research, 8*(2), 55–70.
- Heckman, J. J. (2025). Investing in the future: The economic benefits of early childhood education. *Michigan Journal of Economics, 57*(1), 1–8.
- Hooper, S. R., Barker, R. M., McBee, M., & Ricciardi, J. N. (2022). School readiness in children with developmental disabilities: Longitudinal comparisons. *Early Childhood Research Quarterly, 58*, 179–191.
- Jamaluddin, F., & Tan, Y. H. (2021). Challenges in supporting school readiness of Year One special education students. *Malaysian Journal of Special Education, 11*(2), 101–112.
- Janus, M., Lefort, J., Cameron, R., & Kopechanski, L. (2020). School readiness and early development. *Early Childhood Research Quarterly, 52*, 212–225.
- Karim, N. R., & Jamil, M. M. (2022). School readiness among children with learning difficulties: The role of early childhood intervention. *Asian Journal of Inclusive Education, 10*(1), 33–47.
- Karuppanan, G., Green, Z. A., & Pelita, N. (2025). Penerimaan murid pendidikan khas dalam program inklusif oleh guru kelas arus perdana di Sabah. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Garis Panduan Pelaksanaan Prasekolah Integrasi Khas. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Khas.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). Malaysia Educational Statistics: Quick Facts 2022. Bahagian Pendidikan Khas, Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). Pelaksanaan Program Pendidikan Khas Integrasi di Sekolah Rendah: Garis Panduan dan Aplikasi Praktikal. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Khas.
- Lim, S. L., & Suradi, N. (2023). Strategies enhancing inclusive education in early childhood and special school settings. *Asia Pacific Journal of Early Childhood, 12*(1), 1–18.
- Low, H. H., Tan, J. Y., & Ahmad, A. (2024). Including children with autism spectrum disorder in regular schools: A Malaysian parent's perspective. *Social Education Research, 5*(2), 131–145.
- Lyn, J. M. T., Loh, S. C., & Rosli, N. A. (2020). Level of knowledge of primary mainstream and special needs educators in supporting inclusive transitions. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 13*(2), 1–11.
- Malintang, J., Najmi, A., Fahmi, F., Cindrya, E., & Iffah, I. (2025). Strategies for increasing school readiness in accepting students with special needs through inclusive education. *Jurnal Basicedu, 9*(3), 756–766.
- Mashburn, A. J., & Pianta, R. C. (2006). Social relationships and school readiness. *Early Education and Development, 17*(1), 151–176.
- Means, J. M. (2023). Perception of collaboration between parents and teachers of students with special needs regarding the Individual Education Plan (IEP). *Journal of Social Sciences & Business, 2*(1), 13–27.
- Nair, R., Radhakrishnan, R., & Olusanya, O. (2023). Promoting school readiness in children with developmental delays: A Malaysian perspective. *Frontiers in Public Health, 11*, Article 993642.
- Nasir, N. A. M., Jamaluddin, S. N., & Mohd Yusof, F. (2023). The importance of structured routines for children with learning disabilities in inclusive classrooms. *International Journal of Special Education, 38*(1), 75–84.

- Othman, N., Ramli, N., & Hashim, R. (2022). Teachers' strategies in teaching students with special educational needs in Malaysian primary schools. *Asian Journal of Education and Social Studies*, 26(3), 1–9.
- Radzi, N. A. M., Zainal, N. R., & Mahadi, R. (2025). The Preparedness Gap: Examining Challenges Facing Malaysian Kindergarten Entrants in the Digital Age. *International Journal of Modern Education*, 7(25), 249–263.
- Sabol, T. J., & Pianta, R. C. (2023). The transition to kindergarten: Current research and promising practices to support children and teachers. *Early Childhood Research Quarterly*, 62, 1–10.
- Siti Qatrunnada Hanis Sharif & Khairul Farhah Khairuddin (2024). Meneroka amalan guru prasekolah pendidikan khas tentang kesediaan sekolah MBPK (Prasekolah) ke program pendidikan inklusif tahun 1. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs (JQSS)*, 8(2), 87–103.
- Sukumaran, S., Loveridge, J., & Green, V. A. (2015). Inclusion in Malaysian integrated preschools: An analysis of curriculum-related policies. *International Journal of Inclusive Education*, 19(8), 821–844.
- Sulaiman, M. N. (2021). Personalised learning in special education: A review of practices in Malaysian primary schools. *Journal of Research in Education and Social Science*, 12(4), 221–230.
- Suna, H. E., & Ozer, M. (2024). Medium- and long-term outcomes of early childhood education: Experiences from Turkish large-scale assessments. *Humanities and Social Sciences Communications*, 11, 853.
- Shukor, S. F. A., Mustapha, R., & Ong, E. T. (2021). School readiness framework for inclusive classrooms in Malaysia. *International Journal of Early Childhood Special Education*, 13(3), 195–204.
- Tan, Y. M., Abdullah, Z., & Sani, R. (2021). Structured preschool programs and school readiness of special needs children. *Journal of Educational Research and Practice*, 15(2), 56–69.
- Tudge, J. R. H., Mokrova, I., Hatfield, B. E., & Karnik, R. B. (2009). Uses and misuses of Bronfenbrenner's bioecological theory of human development. *Journal of Family Theory & Review*, 1(4), 198–210.
- Yaacob, W. N. W., Yaacob, L. H., Zulkifli, M. M., & Muhamad, R. (2022). A journey towards resilience: Coping strategies adopted by parents with ASD children in Northeast Malaysia. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(4), 2458.
- Yassin, S. A., & Kamarudin, S. (2021). Early childhood education experience and transition to formal schooling among children with learning disabilities. *Journal of Special Education Research*, 9(2), 75–84.
- Yusof, N. & Mansor, R. (2021). The effectiveness of preschool education in preparing children for primary schooling. *International Journal of Early Childhood Education and Care*, 10(1), 45–58.
- Zahari, N. M., & Salim, N. R. (2023). Measuring transition readiness among special education students in Malaysian primary schools. *Journal of Education and Special Needs*, 4(2), 55–66.